



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 13, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511
Faks : 603-88886188

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1) 8 MEI 2010

Kementerian Kesihatan ingin menjelaskan bahawa penularan Influenza A (H1N1) aktif bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau ini dan di seluruh dunia. Justeru, orang awam diminta untuk sentiasa mengamalkan langkah-langkah mudah mencegah penularan H1N1 seperti berikut:

1. Mereka yang mempunyai gejala *influenza like-illness* (ILI) seperti demam, batuk, selsema dan sakit tekak dinasihatkan supaya TIDAK pergi ke tempat tumpuan ramai. Jika mereka yang bersimptom ini terpaksa keluar dan berhubungan dengan orang lain, mereka diminta untuk memakai penutup hidung dan mulut. Perkara ini amat penting bagi mengelakkan penyebaran virus kepada individu sihat yang lain.
2. Basuh tangan dengan kerap dengan menggunakan air atau *sanitiser*, terutamanya selepas batuk atau bersin.
3. Amalkan adab batuk yang baik iaitu dengan menggunakan tisu atau sapu tangan apabila batuk atau bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah dan jangan berkongsi sapu tangan.
4. Amalkan cara hidup sihat iaitu dengan mengambil diet yang seimbang, kerap bersenam, tidur secukupnya dan minum banyak air.
5. Elakkan pergaulan rapat dengan mereka yang mempunyai gejala ILI.
6. Mereka yang mengalami gejala ILI perlu mendapatkan rawatan segera di klinik yang berdekatan.

Mengenai aktiviti harian, sehingga jam 8:00 pagi pada 8 Mei 2010, Kementerian telah menerima sejumlah sembilan (9) laporan kejadian kluster ILI daripada tujuh (7) negeri seperti di **Lampiran 1**.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 7 Mei 2010, sejumlah 30 kes disahkan Influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 13,992. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 659 kes. Daripada jumlah tersebut, 110 kes (16.7%) telah disahkan positif influenza A(H1N1).

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terkini berkaitan Influenza A(H1N1) seperti fasiliti kesihatan kerajaan yang menyediakan kemudahan vaksinasi H1N1 kepada kumpulan berisiko, serta langkah-langkah pencegahan, boleh melayari laman sesawang <http://www.moh.gov.my> atau <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 8 Mei 2010

Lampiran 1

Senarai Laporan Kejadian Kluster *Influenza-Like Illness* (ILI) Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Sehingga 8:00 Pagi Pada 8 Mei 2010

Bil.	Institusi	Bil. terdedah	Bil. Kes ILI di dalam kluster	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1	Kampung Teluk Kepayang , Bota Kiri, Perak	4	4	Keputusan masih belum diperolehi	Kesemua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar.
2	Kem PLKN Cancun Park, Bukit Tugu, Pasir Mas, Kelantan	512	7	Keputusan masih belum diperolehi.	Seorang dimasukkan ke wad. Selebihnya diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar
3	SMK Gual Periok, Rantau Panjang, Pasir Mas, Kelantan	813	4	Keputusan masih belum diperolehi	Kesemua kes dirawat sebagai pesakit luar. Dua (2) kes diberi antiviral.
4	SMK Kuala Repas, Bentong, Pahang	688	4	2 sampel positif Influenza A(H1N1)	Seorang dimasukkan ke wad. Dua (2) kes diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar
5	Taman Skudai Baru, Johor Bahru	5	2	Keputusan masih belum diperolehi	2 kes dimasukkan ke wad dan diberi rawatan antiviral.
6	Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor	1614	6	Keputusan masih belum diperolehi	Kesemua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar.
7	Sekolah Menengah Rendah Agama Repah, Negeri Sembilan	60	5	Keputusan masih belum diperolehi	Kesemua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar.
8	Felda Kemendor, Jasin, Melaka	8	2	Keputusan masih belum diperolehi	Kesemua kes dirawat sebagai pesakit luar dan diberi rawatan antiviral.
9	SJK(C) Shih Chung Cawangan Sg Nibung, Timur Laut, Pulau Pinang	1196	3	Keputusan masih belum diperolehi	Kesemua kes dimasukkan ke wad dan diberi rawatan antiviral dan telah didiscaj.

